

# Ciri Orang Yang Bertakwa: Surah Al-Baqarah (2: 1-5)

Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia qamar@utm.my

## Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi (2018). "Ciri Orang Yang Bertakwa: Surah Al-Baqarah (2: 1-5)" in *Program Budaya al-Quran* pada 26hb. Julai 2018 di Kolej Tun Fatimah, UTM. Program anjuran Pusat Islam, UTM, p. 1-28.

## Abstract

Takwa merupakan sifat tertinggi Mukmin yang boleh dicapai oleh umat Islam bagi menjamin hidayah di atas jalan pertunjuk mampu berkekalan dalam diri seseorang. Artikel ini mengkaji tafsiran ayat surah al-Baqarah (2: 1-5) dengan menggunakan kaedah pengkajian kepustakaan daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat lima pengajaran utama yang boleh diambil oleh umat manusia khususnya umat Islam, iaitu tentang fawatih al-suwar dan lambang ilmu Allah SWT; kehebatan al-Quran untuk umat manusia; hidayah adalah hal Allah SWT; peranan takwa kepada umat Islam; ciri dan jenis orang yang beriman, dan kejayaan daripada perspektif al-Quran. Kata kunci: fawatih al-suwar, al-Quran, al-Kitab, hidayah, takwa, keimanan, jenis orang yang beriman, kejayaan.

## References

- Abu Dawud, Sulaiman. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Shu'aib al-Arnut & Muhammad Kamil Qurrah Balali (Ed.). Jld. 1-7. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Ahmad, Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Alka'i, Hibbatullah. 2003. *Sharh Usul I'tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Ahmad Sa'ad (Ed.). Jld. 1-9. Al-Sa'udiyyah: Dar Tayyibat.
- Al-Bukhari, Muhammad Ismail. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Mulla Ali al-Qari, 'Ali. 2002. *Mirqat al-Mafatih Sharh Miskat al-Masabih*. Jld. 1-9. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi, Mahyuddin. 1998. *Riyad al-Salihin*. Shu'aib Al-Arna'ut (Ed.). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Ruyani, Abu Bakr Muhammad. 1995. *Musnad al-Ruyani*. Ayman 'Ali Abu Yamani (Ed.). Jld. 1-2. Al-Qahirah: Mu'assasah Qurtubah.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. 1998. *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashir 'Awad Ma'ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Al-Zaynabi, Tirad. 2004. *Majlis Yaum al-Jumaah*. Iraq: Barnamij Jawami' al-Kalam al-Majani al-Tabi' li Mawqi' al-Sibkah al-Islamiyyah
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: JPM.
- Ibn 'Arafah, Al-Hasan. 1985. *Juz' al-Hasan bin 'Arafah al-'Abdi*. 'Abd al-Rahman bin Abd al-Jabbar al-Fariwa'i (Ed.). Jld. 1. Al-Kuwait: Dar al-Aqsa.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jalal al-Din, al-Mahalli, & Jalal al-Din, al-Suyuti. 2003. *Tafsir Jalalayn al-Muyassar*. Beirut: Maktabah Lubnan al-Nasirun.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Ciri Orang yang Bertakwa: Al-Baqarah (2: 1-5)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran 26hb. Julai 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Hidayah sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Al-Fatihah (1: 1-7)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran 19hb. Julai 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Qadi al-Maristan, Muhammad. 1970. *Abadith al-Suyukh al-Thiqat*. Al-Syarif Hatim bin 'Arif al-'Awni (Ed.). T.T.P: Dar 'Alam al-Fawa'id li al-Nasr wa al-Tawzi'.

# CIRI ORANG YANG BERTAKWA SURAH AL-BAQARAH (1-5)\*

Kamarul Azmi Jasmi  
Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Teknologi Malaysia qamar@utm.my

## Abstrak

Takwa merupakan sifat tertinggi Mukmin yang boleh dicapai oleh umat Islam bagi menjamin hidayah di atas jalan pertunjuk mampu berkekalan dalam diri seseorang. Artikel ini mengkaji tafsiran ayat surah al-Baqarah (2: 1-5) dengan menggunakan kaedah pengkajian kepustakaan daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat lima pengajaran utama yang boleh diambil oleh umat manusia khususnya umat Islam, iaitu tentang fawatih al-suwar dan lambang ilmu Allah SWT; kehebatan al-Quran untuk umat manusia; hidayah adalah hal Allah SWT; peranan takwa kepada umat Islam; ciri dan jenis orang yang beriman, dan kejayaan daripada perspektif al-Quran.

Kata kunci: fawatih al-suwar, al-Quran, al-Kitab, hidayah, takwa, keimanan, jenis orang yang beriman, kejayaan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْم ﴿١﴾ ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ  
الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ  
وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿٤﴾ أُولَئِكَ عَلَى هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٥﴾

Maksud: Alif, Lam, Mim. (1) Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah SWT dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi pertunjuk bagi orang yang (hendak) bertaqwa; (2), iaitu orang yang beriman kepada perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) solat serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka. (3) Dan juga orang yang beriman kepada Kitab al-Quran yang diturunkan kepadamu (Wahai Muhammad), dan Kitab yang diturunkan dahulu daripadamu, serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (dengan sepenuhnya). (4) Mereka itulah yang tetap mendapat pertunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang yang berjaya. (5)

(Surah al-Fatihah, 1-7)

## PENGENALAN

Setelah Allah SWT menjelaskan tentang hakikat diri-Nya selaku Tuhan Pentadbir Alam, yang bersifat dengan Pengasih dan Penyayang, Yang Memilik Hari Pembalasan, Tuhan tempat manusia menyembah dan memohon pertolongan, mengajarkan doa terbaik untuk kekal berada dalam Islam dan terjauh berbanding berada di atas jalan kaum Yahudi dan Nasrani (Al-

\* Artikel ini dibincangkan dalam Ceramah Program Budaya al-Quran Mingguan di Kolej Tun Fatimah, UTM pada 26hb. Julai 2018 anjuran Masjid Sultan Ismail, Universiti Teknologi Malaysia.

Sabuni, 1981; Jasmi, 2018b), Allah SWT menceritakan lebih lanjut tentang ciri hidayah atas jalan Islam dengan menerangkan ciri orang yang bertakwa dan beriman (Jasmi, 2018a).

Surah al-Baqarah ini merupakan surah al-Madaniyyah (Ibn al-Kathir, 1999: 1/160) dan dimulakan daripada dengan *Basmalah* yang merupakan salah satu ayat dalam surah *al-Fatihah* yang tujuh sehingga akhir surah. Namun, Basmalah ini menjadi pemisah (Jasmi, 2018b) bagi surah *al-Fatihah* (1: 1-7) dengan surah al-Baqarah (2: 1-287) (Jasmi, 2018a) di samping mengambil barakah daripada adab Islam untuk Allah SWT mengajar umatnya agar memulakan sesuatu termasuk memulakan membaca sesuatu surah dengan ucapan Basmalah (Al-Nawawi, 1998). Sebagai ingatan bahawa semua terjemahan al-Quran dalam perbincangan ini adalah merupakan terjemahan daripada Abdullah Basmeih (1999).

## TAFSIRAN AYAT

Terdapat lima ayat pertama dalam surah al-Baqarah (2: 1-287) ini yang mengkhususkan perkara yang penting dengan ayat pertama dimulakan dengan sebutan huruf diikuti dengan ciri asas al-Quran (al-Baqarah, 2: 2) dan ciri asas orang yang bertakwa dan beriman (al-Baqarah 2: 3-5). Setiap ayat akan dihuraikan dengan tafsiran yang mendalam daripada satu ayat ke suatu ayat.

### *Al-Baqarah* (2: 1)

Allah SWT memulakan surah al-Baqarah (2: 1) dengan tiga huruf, iaitu alif, lam, dan mim sebagaimana firman-Nya:



*Maksud: Alif, Lam, Mim. (1)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 1)

Menurut Imam Jalal al-Din dan Jalal al-Din (2003: 2) *Alif lam mim*, Allah SWT yang lebih mengetahui akan maksudnya. Makna ini turut dipegang oleh Abu Bakar, Umar, Usman, Ali, dan ibn Mas'ud dalam kalangan sahabat. Amir al-Sya'bi, Sufyan al-Sauri, dan al-Rabi' ibn Khaisam, Abu Hatim serta Ibn Hibban dalam kalangan tabiin dengan kenyataan mereka bahawa untuk mengetahui maknanya mereka mengembalikannya kepada Allah SWT dan tidak berani menafsirkannya. Makna lain bagi tafsiran ini ialah dalam kalangan ulama antaranya ialah (Ibn al-Kathir, 1999: 1/156):

- (1) Abdur Rahman ibn Zaid ibn Aslam: Huruf tersebut merupakan nama surat yang bersangkutan.
- (2) Mujahid: Alif lam mim, Ha mim, Alif lam mim sad, dan Sad merupakan pembuka surah yang diperuntukan oleh-Nya dalam al-Quran.
- (3) Mujahid: merupakan salah satu asma al-Quran.
- (4) Huruf tersebut merupakan salah satu nama Allah SWT.
- (5) Al-Sya'bi: *Fawatih al-suwar* adalah asma Allah SWT.
- (6) Ibn Abbas: Alif lam mim merupakan salah satu asma Allah SWT Yang Teragung dan merupakan sumpah yang dipakai oleh Allah SWT dalam sumpah-Nya kerana merupakan salah satu dari asma-Nya, dan makna Alif lam mim ialah *Ana Allahu A'lam* (Aku Allah SWT Yang Maha Mengetahui).
- (7) Sejumlah sahabat Nabi SAW: Alif lam mim merupakan huruf yang dipakai untuk pembukaan; semuanya berasal dari ejaan hijaiyyah asma Allah SWT.

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/159) bahawa huruf yang disebut dalam permulaan surat al-Quran dengan membuang huruf yang berulang-ulang semuanya berjumlah empat belas, iaitu *alif* (ا), *lam* (ل), *mim* (م), *sad* (ص), *ra* (ر), *kaf* (ك), *ha* (هـ), *ya* (ي), *ain* (ع), *ta* (ط), *sin* (س), *ha* (ح), *qaf* (ق), dan *nun* (ن). Kesemuanya dapat dihimpun dalam ucapan:

نَصُّ حَكِيمٍ قَاطِعٌ لَهُ سِرٌّ

Maksud: *Ini adalah nas yang pasti dari Tuhan Yang Maha Bijaksana, mengandung rahsia.*

Semuanya itu separuh dari bilangan huruf ejaan yang ada, dengan pengertian bahawa yang tersebut dalamnya berkedudukan lebih besar daripada yang tidak disebut. Berdasarkan pengertian ini sebahagian ulama meringkasnya dalam suatu kalimat, tidak diragukan lagi semua huruf yang ada dalam *fawatih al-suwar* (فواتح السور) ini tidak sekali-kali diturunkan oleh Allah SWT secara saja-saja atau tiada maksud dan kegunaan. Bahkan huruf tersebut memang mempunyai maknanya yang tersendiri. Jika ada berita atau pengetahuan dari orang yang terpelihara dari dosa, iaitu Nabi SAW, maka umat Islam wajar mengikuti apa yang dikatakannya. Jika tidak ada, maka umat Islam hanya perlu mengembalikannya kepada Allah SWT dengan mengucapkan ucapan:

ءَامَنَّا بِهِ كُلٌّ مِّنْ عِنْدِ رَبِّنَا

Maksud: *Kami beriman kepadanya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami.*

(Surah Ali 'Imran, 3: 7)

Tiada kesepakatan ulama sehubungan dengan masalah *fawatih al-suwar* ini atas sesuatu yang tertentu, melainkan mereka masih berselisih pendapat. Untuk itu, barang siapa yang menganggap kuat suatu pendapat dari kalangan mereka dengan mengetahui dalilnya, ia boleh mengikutinya; tetapi jika tidak, hendaklah dia bersikap berdiam diri hingga jelas baginya.

Menurut Ibn al-Kathir (1999: 1/160) bahawa setiap surat yang dimulai dengan huruf itu pasti dalamnya disebutkan keunggulan dari al-Quran dan keterangan mengenai kemukjizatan serta keagungannya. Hal ini dapat diketahui melalui penelitian terhadap ayat berikut yang menjelaskan tentang keunggulan al-Quran selepas Allah SWT menyebutkan *fawatih al-suwar*. Firman-Nya:

الْم ﴿١﴾ ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

Maksud: *Alif, Lam, Mim. (1) Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah SWT dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi pertunjuk bagi orang yang (hendak) bertaqwa.*

(Surah al-Baqarah, 2: 1-2)

Manakala dalam surah Ali 'Imran (3: 1-3) Allah SWT berfirman:

الْم ﴿١﴾ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ﴿٢﴾ نَزَّلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَأَنزَلَ التَّوْرَةَ وَالْإِنجِيلَ ﴿٣﴾

Maksud: *Alif, Lam, Mim.* (1) Allah tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap Hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan sekalian makhluk-Nya. (2) Ia menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab Suci (al-Quran) dengan mengandungi kebenaran, yang mengesahkan isi Kitab Suci yang diturunkan dahulu daripadanya, dan Ia juga yang menurunkan Kitab Taurat dan Injil. (3)

(Surah Ali 'Imran, 3: 1-3)

Seterusnya, firman-Nya lagi:

الْمَص ﴿١﴾ كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ فَلَا يَكُنْ فِي صَدْرِكَ حَرَجٌ مِّنْهُ لِتُنذِرَ بِهِ وَذِكْرَىٰ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾

Maksud: *Alif, Lam, Mim, Saad.* (1) (Al-Quran ini) sebuah Kitab yang diturunkan kepadamu (wahai Muhammad dari Tuhanmu). Oleh itu, janganlah ada perasaan bimbang dalam dadamu mengenainya, supaya engkau memberi amaran dengan al-Quran itu (kepada orang yang ingkar), dan supaya menjadi peringatan bagi orang yang beriman. (2)

(Surah al-A'raf, 7: 1-2)

Allah SWT juga berfirman:

الرَّ كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَى صِرَاطٍ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ ﴿١﴾

Maksud: *Alif, Lam, Raa'.* Ini ialah Kitab (al-Quran) Kami turunkan dia kepadamu (wahai Muhammad), supaya engkau mengeluarkan umat manusia seluruhnya dari gelap-gelita kufur kepada cahaya iman - dengan izin Tuhan mereka - ke jalan Allah Yang Maha Kuasa lagi Maha Terpuji. (1)

(Surah Ibrahim, 14: 1)

Sekali lagi Allah SWT berfirman:

الْم ﴿١﴾ تَنْزِيلُ الْكِتَابِ لَأرَبِّ فِيهِ مِنْ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾

Maksud: *Alif, Lam Mim.* (1) Diturunkan a-Quran ini, dengan tidak ada sebarang syak padanya, dari Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. (2)

(Surah al-Sajdah, 32:1-2)

Begitu juga dalam firman-Nya:

حَمِّ ۝ تَنْزِيلٌ مِّنَ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝

Maksud: *Haa, Miim* (1) Turunnya Kitab ini dari Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. (2)

(Surah *Fussilat*, 41: 1-2)

Akhir sekali dalam firman-Nya:

حَمِّ ۝ عَسَقَ ۝ كَذَلِكَ يُوحَىٰ إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكَ اللَّهُ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ۝

Maksud: *Haa, Mim*. (1) *Ain, Sin, Qaf*. (2) Sebagaimana yang terkandung dalam surah ini dan surah yang lain - diwahyukan kepadamu (wahai Muhammad) dan kepada Rasul yang terdahulu daripadamu, oleh Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (3)

(Surah *al-Syura*, 42: 1-3)

Masih banyak ayat lainnya yang menunjukkan kebenaran pendapat yang dikatakan oleh mereka bagi orang yang berpikir secara mendalam dalam menekuninya.

### ***Al-Baqarah* (2: 2)**

Allah SWT memulakan kalamnya dengan mengesahkan al-Quran sebagai kalam-Nya yang tidak sekali-kali boleh diragukan. Firman-Nya:

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ۝

Maksud: *Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah SWT dan tentang sempurnanya); kitab ini pula menjadi petunjuk bagi orang yang (hendak) bertaqwa.* (2)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 2)

Jalal al-Din dan Jalal al-Din (2003: 2) menjelaskan tafsiran ayat ini dengan takwilan bahawa Kitab ini, iaitu yang dibaca oleh Muhammad SAW tidak terdapat keraguan atau kebimbangan padanya bahawa kitab ini benar-benar dari Allah SWT. Kitab ini menjadi petunjuk bagi orang yang bertakwa. Orang yang bertakwa membawa maksud orang yang mengusahakan diri mereka supaya menjadi takwa dengan jalan mengikut perintah dan menjauhi larangan demi menjaga diri dari api neraka.

Ibn al-Kathir (1999: 1/162) merumuskan bahawa makna ayat ialah bahawa kitab al-Quran ini tidak ada keraguan dalamnya bahawa kitab ini diturunkan dari sisi Allah SWT. Pengertiannya sama dengan makna firman Allah SWT dalam surat surah *al-Sajdah*, (32:1-2) yang lalu. Sebahagian ulama mengatakan bahawa bentuk kalimat ayat ini merupakan kalimat berita, tetapi makna yang dimaksud adalah kalimat nahi larangan), iaitu membawa maksud, "Janganlah kalian meragukannya!"

Hidayah ini dikhususkan bagi mereka yang bertakwa, seperti makna yang terkandung dalam firman-Nya:

قُلْ هُوَ لِلَّذِينَ آمَنُوا هُدًى وَشِفَاءً وَالَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ فِي آذَانِهِمْ وَقْرٌ وَهُوَ عَلَيْهِمْ  
عَمًى أُولَٰئِكَ يُنَادَوْنَ مِنْ مَّكَانٍ بَعِيدٍ ﴿٤٤﴾

Maksud: Katakanlah (wahai Muhammad), “Al-Quran itu, menjadi (cahaya) petunjuk serta penawar bagi orang yang beriman; dan sebaliknya orang yang tidak beriman, (al-Quran itu) menjadi sebagai satu penyakit yang menyumbat telinga mereka (bukan penawar); dan ia juga merupakan gelap-gelita yang menimpa (pandangan) mereka (bukan cahaya yang menerangi). Mereka itu - (dengan perbuatan melarikan diri dari ajaran al-Quran, tidak ubahnya seperti) orang yang diseru dari tempat yang jauh (masakan mereka dapat mendengar dengan betul atau melihat dengan nyata).” (44)

(Surah Fussilat, 41: 44)

Kenyataan yang sama juga terdapat dalam firman Allah SWT yang lain, iaitu :

وَنَزَّلْنَا مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا  
﴿٨٢﴾

Maksud: Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran Ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua. (82)

(Surah al-Isra, 17: 82)

Masih banyak ayat lainnya yang menunjukkan makna bahawa hanya orang Mukmin sahaja yang boleh manfaat dari al-Quran kerana orang Mukmin itu sendiri sudah merupakan pertunjuk. Akan tetapi, yang beroleh pertunjuk itu hanya mereka yang bertakwa. sebagaimana yang disebutkan dalam firman-Nya:

يَأْتِيهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى  
وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

Maksud: Wahai umat manusia! Sesungguhnya datang kepada kamu al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit batin yang ada dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang yang beriman. (57)

(Surah Yunus, 10: 57)

Makna hudan (هُدًى), menurut Ibn Mas‘ud dan sejumlah sahabat Rasulullah SAW sebagai cahaya. Al-huda menunjukkan makna hal yang mantap dalam kalbu berupa iman.

Tiada yang mampu menciptakannya dalam kalbu hamba Allah SWT selain Allah SWT sendiri, sebagaimana yang dinyatakan dalam firman-Nya:

إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ

Maksud: *Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) tidak berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang engkau kasihi (supaya ia menerima Islam).*

(Surah *al-Qasas*, 28: 56)

لَيْسَ عَلَيْكَ هُدَاهُمْ

Maksud: *Tidaklah engkau diwajibkan (wahai Muhammad) menjadi mereka (yang kafir) mendapat petunjuk (kerana kewajipanmu hanya menyampaikan petunjuk).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 272)

مَنْ يُضِلِلِ اللَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ

Maksud: *Sesiapa yang disesatkan oleh Allah (kerana keingkarannya), maka tidak ada sesiapa pun yang akan dapat memberi petunjuk kepadanya.*

(Surah *al-A'raf*, 7: 186)

مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِلْ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا ﴿١٧﴾

Maksud: *Sesiapa yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah, maka dia lah yang berjaya mencapai kebahagiaan; dan sesiapa yang disesatkan-Nya maka engkau tidak sekali-kali akan beroleh sebarang penolong yang dapat menunjukkan (jalan yang benar) kepadanya. (17)*

(Surah *al-Kahfi*, 18: 17)

Masih banyak ayat lainnya yang menunjukkan makna yang sama. Lafaz *al-huda* adakalanya dimaksudkan sebagai keterangan dan penjelasan mengenai perkara yang hak, penunjukan dan bimbingan kepadanya, sebagaimana makna yang terkandung dalam firman-Nya:

وَإِنَّكَ لَتَهْدِي إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿٥٢﴾

Maksud: *Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) adalah memberi petunjuk dengan al-Quran itu ke jalan yang lurus. (52)*

(Surah *al-Syura*, 42: 52)

Pengertian ini juga terdapat dalam firman-Nya yang lain:



إِنَّمَا أَنْتَ مُنذِرٌ وَلِكُلِّ قَوْمٍ هَادٍ ﴿٧﴾

Maksud: *Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) hanyalah seorang Rasul pemberi amaran (kepada orang yang ingkar), dan tiap-tiap umat (yang lalu) ada Nabinya yang memimpin ke jalan yang benar. (7)*

(Surah *al-Ra'd*, 13: 7)

Juga firman-Nya:

وَأَمَّا ثَمُودُ فَهَدَيْنَاهُمْ فَاسْتَحَبُّوا الْعَمَىٰ عَلَى الْهُدَىٰ

Maksud: *Adapun kaum Thamud, maka Kami beri petunjuk kepadanya, lalu mereka mengutamakan kesesatan dari hidayah petunjuk.*

(Surah *Fussilat*, 41: 17)

Juga dalam firman-Nya:

وَهَدَيْنَاهُ النَّجْدَيْنِ ﴿١٠﴾

Maksud: *Dan Kami menunjukkan kepadanya dua jalan, (jalan kebaikan untuk dijalaninya, dan jalan kejahatan untuk dijauhi)? (10)*

(Surah *al-Balad*, 90: 10)

Perbincangan makna takwa boleh dilihat daripada makna bahasa, istilah dan pandangan sahabat dan para ulama. Taqwa daripada segi bahasa ialah mencegah diri dari hal yang tidak disukai, kata akarnya ialah *qawa* (قَوَى), iaitu yang berasal dari *al-wiqayah* (الْوَقَايَةِ), iaitu pencegahan. Manakala daripada segi makna Istilah, perbagai ulama dalam kalangan sahabat memberi pandangan:

- (1) Umar Ibn al-Khattab: Umar ibnul Khattab RA pernah bertanya kepada Ubay ibn Ka'b tentang makna takwa. maka Ubay ibn Ka'b balik bertanya, "Pernahkah engkau menempuh jalan yang beronak duri?" Umar menjawab, "Ya, pernah." Ubay ibn Ka'b bertanya lagi, "Kemudian apa yang kamu lakukan?" Umar menjawab, "Aku bertahan dan berusaha sekuat tenaga untuk melampauinya." Ubay ibn Ka'b berkata, "Itulah yang namanya takwa."
- (2) Ibn Abbas: Mukmin yang menjauhkan diri dari kemusyrikan terhadap Allah SWT, dan mereka selalu beramal dengan taat kepada-Nya. Ibn 'Abbas juga ada menjelaskan bahawa orang bertakwa ialah mereka adalah orang yang takut terhadap siksaan Allah SWT dalam meninggalkan hidayah yang mereka ketahui, dan mereka mengharapakan rahmat-Nya dalam membenarkan apa yang didatangkan-Nya.
- (3) Al-Hasan al-Basri: Orang yang memelihara diri daripada hal yang diharamkan oleh Allah SWT dan menunaikan hal yang difardukan-Nya.
- (4) Al-Kalbi: Orang yang menjauhi dosa besar.
- (5) Qatadah: Orang yang disebut dalam firman Allah SWT pada ayat berikutnya:

## الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ

Maksud: Orang yang beriman kepada perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) solat.

(Surah al-Baqarah, 2: 3)

- (6) Ibn Jarir: Mencakup semua yang dikatakan oleh para sahabat dan para ulama yang sudah memberi pendapat sebelum ini.

Pengertian takwa ini pernah disebutkan oleh Rasulullah dalam satu hadis (Al-Tirmidhi, 1998: 2451; Ibn Majah, 2009: 4215):

عَنْ عَطِيَّةِ السَّعْدِيِّ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "لَا يَبْلُغُ الْعَبْدُ أَنْ يَكُونَ مِنَ الْمُتَّقِينَ حَتَّى يَدَعَ مَا لَا بَأْسَ بِهِ حَدْرًا مِمَّا بِهِ بَأْسٌ."

Maksud: 'Atiyah al-Sa'diyy berkata, Rasulullah SAW bersabda, "Seorang hamba masih belum mencapai golongan orang bertakwa sebelum dia meninggalkan hal yang tidak mengapa kerana menghindari hal yang mengandung apa-apa (dosa).

(Al-Tirmidhi dan Ibn Majah)

Satu athar daripada Mu'az bin Jabal ada menyatakan (Al-Alka'i, 2003):

عَنْ مَيْمُونِ أَبِي حَمْزَةَ، قَالَ: كُنْتُ جَالِسًا عِنْدَ أَبِي وَائِلٍ فَدَخَلَ عَلَيْنَا رَجُلٌ يُقَالُ لَهُ أَبُو عَفِيفٍ فَقَالَ لَهُ شَقِيقُ بْنُ سَلَمَةَ يَا أَبَا عَفِيفٍ أَلَا نُحَدِّثُكَ عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ، قَالَ: بَلَى، سَمِعْتُهُ يَقُولُ: "يُحِبُّسُ النَّاسُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِي صَعِيدٍ وَاحِدٍ فَيُنَادَى أَيْنَ الْمُتَّقُونَ فَيَقُومُونَ فِي كَنْفٍ مِنَ الرَّحْمَنِ لَا يَحْتَجِبُ اللَّهُ مِنْهُمْ، وَلَا يَسْتَتِرُ، قُلْتُ: مَنِ الْمُتَّقُونَ؟ قَالَ: قَوْمٌ اتَّقَوْا الشَّرْكَ وَعِبَادَةَ الْأَوْثَانِ وَأَخْلَصُوا لِلَّهِ الْعِبَادَةَ فَيَمُرُونَ إِلَى الْجَنَّةِ."

Maksud: Maimun Abu Hamzah yang menceritakan bahawa ketika ia sedang duduk di dekat Abu Wa'il, masuklah seorang lelaki yang dikenal dengan julukan Abu Arif, salah seorang murid Mu'az. Syaqiq ibn Salamah berkata kepadanya, "Hai Abu Arif, tidakkah engkau menceritakan kepada kami apa yang dikatakan oleh Mu'az ibn Jabal?" Ia menjawab, "Tentu saja, aku pernah mendengarnya mengatakan bahawa kelak di hari kiamat umat manusia ditahan dalam suatu tempat. kemudian ada suara yang menyerukan, "Di manakah orang yang bertakwa?" Lalu mereka (orang yang bertakwa) bangkit berdiri di bawah naungan Tuhan Yang Maha Pemurah; Allah SWT menampakkan diri kepada mereka dan tidak menutup diri-Nya. Aku bertanya, "Siapakah orang yang bertakwa itu?" Mu'az menjawab, "Mereka adalah kaum yang menghindarkan diri dari kemusyrikan dan penyembahan berhala, dan mereka mengikhhlaskan ibadah hanya kepada Allah SWT semata," lalu mereka masuk ke dalam syurga."

(Al-Alka'i)

Terdapat juga hadis yang menjelaskan bahawa orang yang bertakwa yang memiliki isteri solehah merupakan orang yang paling beruntung ketika di dunia. Hadis tersebut seperti berikut (Ibn Majah, 2009: 1857):

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَنَّهُ كَانَ يَقُولُ: «مَا اسْتَفَادَ الْمُؤْمِنُ بَعْدَ تَقْوَى اللَّهِ خَيْرًا لَهُ مِنْ زَوْجَةٍ صَالِحَةٍ، إِنْ أَمَرَهَا أَطَاعَتْهُ، وَإِنْ نَظَرَ إِلَيْهَا سَرَّتْهُ، وَإِنْ أَقْسَمَ عَلَيْهَا أَبْرَثَتْهُ، وَإِنْ غَابَ عَنْهَا نَصَحَتْهُ فِي نَفْسِهَا وَمَالِهِ.»

Maksud: *Abu Umamah RA menceritakan, "Nabi SAW pernah berkata, "Tiada keuntungan yang paling baik bagi seseorang sesudah takwa kepada Allah SWT selain dari isteri yang soleh. Jika dia memerintahnya, ia taat. Jika dia memandangnya, membuat dia bahagia. Jika ia mengagihkan tugas atau giliran terhadapnya, maka ia berbakti. Jika dia tidak ada di tempatnya, meninggalkannya, maka ia memelihara diri dan harta suaminya.*

(Ibn Majah)

Al-Mulla Ali al-Qari (2002: 3095) menyatakan bahawa takwa dalam hadis adalah merujuk kepada melaksanakan perintah Allah SWT dan menjauhi larangannya. Ketaatan kepada suami yang dikehendaki selagi suami tidak menyuruh kepada maksiat terhadap Allah SWT. Sedangkan maksud membuat suami gembira ketika memandangnya pula bermaksud dia menghiasi dirinya untuk dipandang cantik dan gembira buat suaminya serta melayan suaminya dengan baik sama ada dalam layanan sosial dan perhubungan suami dan isteri. Manakala pembahagian tugas dan giliran yang diminta suami untuk dilakukan sekalipun dia tidak suka atau diminta untuk meninggalkannya sekalipun dia suka, maka isteri itu melaksanakannya dengan penuh mufakat tanpa menimbulkan perselisihan semata-mata untuk mendapatkan keridaan suaminya. Akhir sekali ketika suaminya tiada, isteri tersebut menjaga amanah dengan tidak membenarkan orang luar mengambil kesempatan terhadap dirinya dan harta suaminya.

### ***Al-Baqarah (2: 3)***

Selepas Allah SWT menjelaskan tentang orang yang bertakwa, Allah SWT menjelaskan pula ciri orang yang bertakwa tersebut dengan menyebut mereka juga merupakan orang yang beriman. Firman-Nya:

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٣﴾

Maksud:, *iaitu orang yang beriman kepada perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) solat serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka. (3)*

(Surah al-Baqarah, 2: 3)

Jalal al-Din dan Jalal al-Din (2003: 2) menjelaskan ayat ini dengan takwil, "Orang yang beriman itu yang membenarkan kepada perkara yang ghaib, iaitu yang tidak kelihatan oleh mereka, seperti kebangkitan, syurga dan neraka dan mendirikan solat, iaitu melakukannya sebagaimana semestinya. Manakala sebagian dari yang Kami berikan kepada mereka, iaitu

yang kami anugerahkan kepada mereka sebagai rezeki, lalu mereka nafkahkan atau belanjakan untuk jalan menaati Allah SWT.

Ayat ini menurut Ibn al-Kathir (1999: 1/164) menyebut tentang orang yang beriman. Orang yang beriman diambil daripada perkataan iman ini ditafsirkan sebagai berikut:

- (1) Ibn Abbas RA: Orang yang beriman ialah orang yang percaya (membenarkan).
- (2) Al-Rabi' ibn Anas: Orang yang beriman ialah orang yang takut (kepada Allah SWT.)
- (3) Ibnu Jarir: Yang lebih utama bila mereka menggambarkan keimanan terhadap masalah yang ghaib secara ucapan, keyakinan, dan perbuatan; dan adakalanya takut kepada Allah SWT termasuk ke dalam pengertian iman yang isinya terkandung makna membenarkan ucapan dengan perbuatan. Iman juga adalah suatu istilah yang mencakup pengertian iman kepada Allah SWT, kitab-Nya, dan rasul-Nya. Dan membenaran pengakuan dibuktikan dengan perbuatan.

Seterusnya perkataan iman yang membentuk perkataan orang yang beriman pula ditafsirkan sebagai:

- (1) Abdullah Ibn Mas'ud: Percaya.
- (2) Al-Zuhri: Amal.

Menurut Ibn al-Kathir (1999: 1/164) iman pada makna bahasa bererti percaya secara tulus. Adakalanya dalam al-Quran digunakan untuk pengertian ini sebagaimana yang terdapat dalam firman-Nya:

يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَيُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِينَ

Maksud: *ia beriman kepada Allah dan percaya kepada orang Mukmin.*

(Surah *al-Taubah*, 9: 61)

Demikian pula yang dikatakan oleh saudara Nabi Yusuf kepada ayah mereka, yang hal ini dipetik kata-kata mereka dalam firman-Nya:

وَمَا أَنْتَ بِمُؤْمِنٍ لَّنَا وَلَوْ كُنَّا صَادِقِينَ ﴿١٧﴾

Maksud: *Dan sudah tentu ayah tidak akan percaya kepada kata-kata kami ini, sekalipun kami adalah orang yang benar.*

(Surah *Yusuf*, 12: 17)

Demikian pula maknanya bila diiringi dengan amal perbuatan, sebagaimana yang terdapat dalam firman-Nya:

إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ

Maksud: *Kecuali orang yang beriman dan beramal soleh.*

(Surah *al-Tin*, 95: 6)

Jika digunakan secara mutlak, maka iman yang dikehendaki oleh syarak ialah yang mencakup tiga unsur, iaitu keyakinan, ucapan, dan perbuatan. Demikian menurut sebahagian besar para imam. Bahkan menurut riwayat Imam Syafii, Imam Ahmad ibn Hambal, dan Abu Ubaidah serta ulama lainnya, ijmak dengan pengertian bahawa iaman itu ialah ucapan dan perbuatan yang boleh bertambah dan berkurang.

Iman juga boleh ditafsirkan sebagai takut kepada Allah SWT sebagaimana makna yang terkandung dalam firman-Nya:

الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِالْغَيْبِ وَهُمْ مِنَ السَّاعَةِ مُشْفِقُونَ ﴿٤٩﴾

Maksud: *Iaitu mereka yang takut (melanggar hukum) Tuhannya semasa mereka tidak dilihat orang, dan mereka pula gerun cemas akan (peristiwa yang mengerikan pada) hari kiamat. (49)*

(Surah *al-Anbiya*, 21: 49)

Begitu juga dengan firman-Nya:

مَنْ خَشِيَ الرَّحْمَنَ الْغَيْبِ وَجَاءَ بِقَلْبٍ مُنِيبٍ ﴿٣٣﴾

Maksud: *(Iaitu) orang yang takut (melanggar perintah Allah) Yang Maha Pemurah, semasa tidak dilihat orang dan semasa ia tidak melihat azab Allah, serta ia datang (kepada Allah) dengan hati yang tunduk taat". (33)*

(Surah *Qaf*, 50: 33)

*Al-khasyyah* (الْخَشْيَةُ) atau takut kepada Allah SWT merupakan hasil daripada iman dan ilmu, sebagaimana yang dinyatakan dalam firman-Nya:

إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ ﴿٢٨﴾

Maksud: *Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-Nya hanyalah orang yang berilmu.*

(Surah *Fatir*, 35: 28)

Sebahagian ulama mengatakan bahawa mereka beriman kepada yang ghaib, iaitu perkara yang tidak kelihatan sebagaimana mereka beriman kepada yang kelihatan, dan keadaan mereka tidaklah seperti yang disebut dalam firman Allah SWT mengenai perihal orang munafik, iaitu :

وَإِذَا تَقْوَى الَّذِينَ ءَامَنُوا قَالُوا ءَامَنَّا وَإِذَا خَلَوْا إِلَىٰ شَيَاطِينِهِمْ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ

مُسْتَهْزِءُونَ ﴿١٤﴾

Maksud: *Dan apabila mereka bertemu dengan orang yang beriman, mereka berkata, “Kami beriman” dan manakala mereka kembali kepada syaitan mereka, mereka berkata pula, “Sesungguhnya kami tetap bersama kamu, sebenarnya kami hanya memperolok-olok (akan orang yang beriman).” (14)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 14)

Begitu juga dengan firman-Nya:

إِذَا جَاءَكَ الْمُنْفِقُونَ قَالُوا لَوْ أَنشَهُدُ إِنَّكَ لِرَسُولِ اللَّهِ <sup>قَالَ</sup> وَاللَّهِ يَعْلَمُ إِنَّكَ لِرَسُولِهِ وَاللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّ  
الْمُنْفِقِينَ لَكَاذِبُونَ ﴿١﴾

Maksud: *Apabila orang munafik datang kepadamu (wahai Muhammad), mereka berkata, “Kami mengakui bahawa sesungguhnya engkau - sebenar-benarnya Rasul Allah.” Dan Allah sememangnya mengetahuinya bahawa engkau ialah Rasul-Nya, serta Allah menyaksikan bahawa sesungguhnya pengakuan mereka adalah dusta. (1).*

(Surah *al-Munafiqun*, 63: 1)

Berdasarkan pengertian ini bererti lafaz bil ghaibi berkedudukan sebagai hal keterangan keadaan, iaitu sekalipun keadaan mereka tidak kelihatan oleh orang banyak, iaitu ketika bersendirian.

Mengenai yang dimaksud dengan beriman dengan *al-ghaib* (الغيب), iaitu perkara ghaib dalam ayat ini, ungkapan ulama Salaf mengenainya berbeza-beza, tetapi semuanya benar dan tidak menyalahi makna antara satu sama lain. Makna beriman kepada perkara ghaib ini sebagai:

- (1) Abu Aliyah: Perkara yang berkaitan dengan beriman kepada Allah SWT, para malaikat-Nya, kitab-Nya, rasul-Nya, hari kemudian, syurga dan neraka-Nya, bertemu dengan-Nya; juga beriman kepada kehidupan sesudah mati dan hari berbangkit. Semua itu merupakan hal yang ghaib yang tidak kelihatan.
- (2) Ibn Abbas dan sejumlah sahabat Nabi SAW: Perkara yang tidak kelihatan oleh hamba Allah SWT, seperti masalah syurga, neraka, dan semua hal yang disebutkan dalam al-Quran.
- (3) Pendapat lain daripada Ibn ‘Abbas: Hal yang didatangkan oleh Allah SWT.
- (4) Sufyan al-Sauri, Asim, Zurr: Al-Quran.
- (5) Ismail ibn Abu Khalid: Beriman sesudah masa Islam, iaitu beriman dengan apa yang diimani oleh Nabi dan para sahabat.
- (6) Zaid ibn Aslam: Beriman kepada takdir.

Beriman dengan apa yang diimani oleh Rasulullah SAW dan para sahabat sebagaimana pendapat Ismail ibn Abu Khalid adalah pendapat yang bertepatan dengan satu hadis yang diriwayatkan oleh Abu Juma‘ah (Ahmad, 2001: 16976):

حَدَّثَنَا حَدِيثًا سَمِعْتُهُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ قَالَ: نَعَمْ، أَحَدْتُكَ حَدِيثًا جَيِّدًا: تَعَدَّيْنَا  
مَعَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ وَمَعَنَا أَبُو عُبَيْدَةَ بْنُ الْجَرَّاحِ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، هَلْ أَحَدٌ خَيْرٌ

مِنَّا؟ أَسْلَمْنَا مَعَكَ وَجَاهَدْنَا مَعَكَ. قَالَ: "نَعَمْ"، قَوْمٌ مِنْ بَعْدِكُمْ يُؤْمِنُونَ بِي وَلَمْ يَرَوْني."

Maksud: *Ya, aku akan menceritakan kepadamu suatu hadis yang baik, iaitu satu ketika kami makan siang bersama Rasulullah SAW Antara kami terdapat Abu Ubaidah ibnul Jarrah. Ia bertanya, "Wahai Rasulullah, apakah ada seseorang yang lebih baik daripada kami? Kami masuk Islam di tanganmu dan kami berjihad bersamamu." Rasulullah SAW menjawab, "Ya, suatu kaum dari kalangan orang sesudah kamu; mereka beriman kepadaku, padahal mereka tidak melihatku."*

(Ahmad)

Hadis ini disokong dengan hadis yang lain daripada jalur sana yang berbeza. Hadis tersebut seperti berikut (Al-Ruyani, 1995: 1545):

أَبُو جُمُعَةَ الْأَنْصَارِيِّ، صَاحِبُ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ بَيْتِ الْمَقْدِسِ، لِيَصَلِّيَ فِيهِ، وَمَعَنَا يَوْمَئِذٍ رَجَاءُ بْنُ حَيَوَةَ، فَلَمَّا انْصَرَفَ خَرَجْنَا ذُشَيْعُهُ، فَلَمَّا أَرَادَ الْإِنْصِرَافَ قَالَ: إِنَّ لَكُمْ جَائِزَةً وَحَقًّا؛ أَحَدْتُكُمْ بِحَدِيثِ سَمِعْتُهُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ، قُلْنَا: هَاتِ رَحِمَكَ اللَّهُ قَالَ: كُنَّا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ وَمَعَنَا مُعَاذُ بْنُ جَبَلٍ عَاشِرُ عَشْرَةَ، فَقُلْنَا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، هَلْ مِنْ قَوْمٍ أَعْظَمُ أَجْرًا مِنَّا؟ آمَنَّا بِكَ وَاتَّبَعْنَاكَ، قَالَ: "مَا يَمْنَعُكُمْ مِنْ ذَلِكَ وَرَسُولُ اللَّهِ بَيْنَ أَظْهَرِكُمْ يَأْتِيكُمْ بِالْوَحْيِ مِنَ السَّمَاءِ، بَلْ قَوْمٌ مِنْ بَعْدِكُمْ يَأْتِيهِمْ كِتَابٌ بَيْنَ لَوْحَيْنِ يُؤْمِنُونَ بِهِ وَيَعْمَلُونَ بِمَا فِيهِ، أُولَئِكَ أَعْظَمُ مِنْكُمْ أَجْرًا" مَرَّتَيْنِ.

Maksud: *Abu Jum'ah al-Ansari, iaitu salah seorang sahabat Rasulullah SAW berada di Baitul Maqdis untuk melakukan solat. Ketika itu bersama kami terdapat Raja' ibn Haywah RA Setelah dia selesai solat, kami keluar mengantarkannya. Tetapi ketika dia hendak pergi, dia berkata, "Sesungguhnya kalian berhak mendapat balasan dan hak, aku akan menceritakan sebuah hadis kepada kalian yang aku dengar langsung dari Rasulullah SAW" Kami menjawab, "Ceritakanlah, semoga Allah SWT merahmatimu." Abu Jum'ah bercerita: "Ketika kami bersama Rasulullah SAW, antara kami terdapat Mu'az ibn Jabal yang merupakan orang kesepuluh dari kami semua yang berjumlah sepuluh orang. Kemudian kami bertanya, "Wahai Rasulullah, apakah ada suatu kaum yang beroleh pahala lebih besar daripada kami? Kami beriman kepada Allah SWT dan mengikutimu." Nabi SAW menjawab, "Tiada yang menghalangi kalian dari hal tersebut, kerana Rasulullah berada antara kalian menyampaikan wahyu yang turun dari langit kepada kalian, bahkan kaum sesudah kalian. Datang kepada mereka kitab (al-Quran) yang terhimpun antara kedua sampulnya, lalu mereka beriman kepadanya dan mengamalkan apa yang dikandungnya, mereka lebih besar pahalanya daripada kalian." Ucapan ini diulanginya sebanyak dua kali.*

(Al-Ruyani)

Kedua-dua hadis ini mengandungi dalil yang menunjukkan pengiktirafan amal yang berdasarkan rasa cinta. Hal ini demikian kerana Nabi SAW ternyata memuji mereka yang datang sesudah mereka, iaitu orang yang beriman tanpa melihat. Baginda SAW menyebutkan

bahawa mereka memiliki pahala yang lebih besar bila ditinjau dari segi itu saja tetapi tidak mutlak untuk semua perkara. Kenyataan ini berdasarkan hadis berikut (Qadi al-Maristan, 1970: 511; Ibn 'Arafah, 1985: 19; Al-Zaynabi, 2004: 6):

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "أَيُّ الْخَلْقِ أَعْجَبُ إِلَيْكُمْ إِيْمَانًا؟" قَالُوا: الْمَلَائِكَةُ. قَالَ: "وَمَا لَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ وَهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ؟" قَالُوا: فَالْتَّيْبُونَ. قَالَ: "وَمَا لَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ وَالْوَحْيُ يَنْزِلُ عَلَيْهِمْ؟" قَالُوا: فَتَنَحْنُ. قَالَ: "وَمَا لَكُمْ لَا تُؤْمِنُونَ وَأَنَا بَيْنَ أَظْهُرِكُمْ؟" قَالَ: فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "أَلَا إِنَّ أَعْجَبَ الْخَلْقِ إِلَيَّ إِيْمَانًا لِقَوْمٍ يَكُونُونَ مِنْ بَعْدِكُمْ يَجِدُونَ صُحُفًا فِيهَا كِتَابٌ يُؤْمِنُونَ بِمَا فِيهَا"

Maksud: *Amr ibn Syu'aib menceritakan daripada ayahnya dan datuknya bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda: "Makhluk apakah yang paling kalian kagumi imannya?" Mereka (para sahabat) menjawab, "Para malaikat." Nabi SAW bersabda, "Mana mungkin mereka tidak beriman, sedangkan mereka berada dekat Tuhannya?" Mereka berkata, "Para nabi." Rasulullah SAW bersabda, "Mana mungkin mereka tidak beriman, sedangkan wahyu diturunkan kepada mereka?" Mereka berkata, "Kalau begitu kami." Nabi SAW bersabda, "Mana mungkin kamu semua tidak beriman, sedangkan aku berada antara kamu?" Maka Rasulullah SAW bersabda, "Ingatlah, sesungguhnya makhluk yang paling aku kagumi keimanannya ialah suatu kaum yang datang sesudah kalian, mereka menjumpai lembaran yang dalamnya tertuliskan al-Kitab (al-Quran), lalu mereka beriman kepada semua yang terkandung dalamnya."*

(Qadi al-Maristan, Ibn 'Arafah, dan al-Zaynabi)

Seterusnya Ibn al-Kathir (1999: 1/168) menjelaskan tafsiran makna mereka yang mendirikan solat dengan tafsiran berikut:

- (1) Ibn 'Abbas: Mendirikan fardu solat dan rukunnya atau menyempurnakan rukuk, sujud, bacaan al-Quran, khusyuk, dan menghadap sepenuh jiwa dan raganya dalam solat. Sedangkan Qatadah mengatakan bahawa mendirikan solat ertinya memelihara waktunya, wuduk, rukuk, dan sujud.
- (2) Muqatil ibn Hayyan: Mendirikan solat ertinya memelihara waktunya, menyempurnakan wuduk, sujud, bacaan al-Quran, bacaan tasyahud, dan salawat buat Nabi SAW dalam solat.

Makna asal lafaz "solat" menurut Ibn al-Kathir (1999: 1/169) istilah bahasa ialah doa. Kemudian lafaz "solat" menurut istilah syarak dipakai untuk makna, "perbuatan yang mengandungi rukuk, sujud, pekerjaan tertentu, dan dilakukan dalam waktu yang khusus mengikut syaratnya, sifatnya, serta jenisnya yang terkenal. Menurut Ibn Jarir (2001: 1/243), solat dinamakan dengan sebutan demikian kerana pelakunya berupaya memperoleh pahala Allah SWT melalui amalannya bersamaan dengan permintaan hal yang diperlakukannya kepada Tuhannya. Menurut pendapat lain, lafaz "solat" berasal dari nama kedua urat yang digerakkan dalam solat di saat rukuk dan sujud. Urat ini memanjang dari punggung sampai kepada tulang punggung yang paling bawah. Menurut pendapat lain, lafaz "solat" berasal dari al-sala yang ertinya menetapi sesuatu atau memasukinya, seperti makna yang terkandung dalam firman-Nya:



## لَا يَصْلِحُهَا إِلَّا الْأَشْقَى

Maksud: *Yang tidak akan menderita bakarannya melainkan orang yang sungguh celaka.* (15)

(Surah *al-Layl*, 92: 15)

Makna yang dimaksud ialah “tiada yang menetapi dan hingga kekal di dalamnya kecuali orang yang paling celaka.”

Menurut pendapat lain ia berasal dari tasliyah, yakni memanggang kayu di atas api dengan maksud untuk meluruskannya, sebagaimana orang yang solat menegakkan kebengkokannya dengan solatnya, seperti makna yang terkandung dalam firman-Nya:

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ  
يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ

Maksud: *Sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.* (45).

(Surah *al-Ankabut*, 29: 45)

Menganggap isytiqaq (bentuk asal) solat dari doa adalah pendapat yang paling sahih, sedangkan pembahasan mengenai zakat akan dikemukakan nanti pada bagian tersendiri.

Akhir sekali Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/168) menjelaskan makna, “menafkahkan sebahagian rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka” dengan membawakan tafsiran berikut:

- (1) Ibn Abbas: Menunaikan zakat harta benda dengan benar.
- (2) Ibn Abbas dan Ibn Mas‘ud RA, serta sejumlah sahabat Rasulullah SAW: Nafkah seorang lelaki kepada keluarganya. Hal ini difahami sebelum diturunkannya ayat mengenai zakat.
- (3) Dahhak: Pada mulanya nafkah merupakan korban yang mereka jadikan sebagai amal yang mendekatkan diri kepada Allah SWT sesuai dengan kemampuan ekonomi masing-masing, iaitu kaya dan miskin, hingga turunlah ayat yang memfardukan zakat. Ayat tersebut berjumlah tujuh ayat dalam surat Baraah atau al-Tawbah. Dalam ayat yat ini disebut masalah zakat. Ayat tersebut berkedudukan memansuhkan secara pasti terhadap pengertian lain.
- (4) Pendapat lain daripada Sayidina Qatadah: Nafkahkanlah sebahagian dari apa yang Allah SWT berikan kepada kalian, kerana harta benda itu merupakan pinjaman di tanganmu, hai manusia. Dalam waktu yang dekat kamu pasti meninggalkannya.
- (5) Ibnu Jarir: Ayat ini bermakna umum, iaitu mencakup zakat dan nafkah. Dia mengatakan bahawa takwil yang paling utama dan paling berhak dikemukakan sesuai dengan sifat dari kaum yang dimaksud ialah, “hendaklah mereka menunaikan semua kewajiban yang berada pada harta benda mereka, baik berupa zakat ataupun memberi nafkah orang yang harus ia jamin dari kalangan keluarga, anak-anak, dan lain-lainnya dari kalangan orang yang wajib ia nafkahi kerana hubungan kekerabatan atau pemilikan atau faktor lainnya kerana Allah SWT menyifati dan memuji mereka dengan sebutan tersebut bahawa setiap nafkah dan zakat adalah perbuatan yang terpuji dan para pelakunya mendapat pujian.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/168) merumuskan bahawa Allah SWT sering kali menggandingkan antara solat dengan memberi nafkah, kerana solat adalah hak Allah SWT dan sebagai penyembahan kepada-Nya. dalam solat terkandung makna mentauhid dan mengesakan Allah SWT, memuji, mengagungkan, menyanjung-Nya, dan berdoa serta bertawakal kepada-Nya. Sedangkan dalam infak, iaitu membelanjakan harta pula terkandung pengertian perbuatan kebajikan kepada sesama makhluk, iaitu dengan mengulurkan bantuan kepada mereka, iaitu orang yang harus diutamakan dalam masalah nafkah ini adalah kaum kerabat, keluarga serta anak-anak, setelah itu barulah orang lain.

Setiap nafkah wajib dan zakat fardu termasuk ke dalam pengertian firman Allah SWT yang bermaksud, “membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka” (*al-Baqarah*, 2: 3). Oleh kerana itu, satu hadis menjelaskan (Al-Bukhari, 2001: 8; Muslim, t.th.: 16):

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامَ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَالْحَجِّ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ."

Maksud: *Ibn 'Umar RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Islam dibangun di atas lima perkara, iaitu kesaksian bahawa tidak ada Tuhan selain Allah SWT dan bahawa Muhammad adalah utusan Allah SWT, mendirikan solat, menunaikan zakat, berhaji, dan puasa pada bulan Ramadan.*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Sebagai rumusan bahawa ayat ini menjelaskan asas keimanan ialah percaya kepada perkara yang ghaib sedangkan asas kepada Islam pula terletak kepada solat yang sempurna serta membelanjakan harta sama ada untuk kewajipan zakat, tanggungjawab nafkah, serta sedekah.

#### ***Al-Baqarah (2: 4)***

Seterusnya, Allah SWT juga membincangkan ciri orang yang beriman dengan firman-Nya:

وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَيَآخِرَةَ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿٤﴾

Maksud: *Dan juga orang yang beriman kepada Kitab al-Quran yang diturunkan kepadamu (Wahai Muhammad), dan Kitab yang diturunkan dahulu daripadamu, serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (dengan sepenuhnya). (4)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 4)

Jalal al-Din dan Jalal al-Din (2003: 2) menjelaskan bahawa ayat ini membawa maksud, “dan orang yang beriman pada apa yang diturunkan kepadamu, iaitu al-Quran dan apa yang diturunkan sebelummu, iaitu Taurat, Injil, dan selainnya. Selain itu, mereka yakin akan hari akhirat, iaitu mengetahui secara pasti.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/170) menjelaskan ayat ini dengan memetik kata-kata Ibn 'Abbas RA yang menyatakan bahawa makna firman-Nya dalam surat *al-Baqarah* (2: 4) ini ialah, “mereka percaya kepada apa yang engkau datangkan dari Allah SWT, juga percaya kepada apa yang diturunkan kepada rasul sebelummu, tanpa membeza-bezakan antara mereka dan tidak mengingkari apa yang didatangkan oleh para rasul itu dari Tuhan mereka. Mereka yakin akan adanya kehidupan di akhirat, iaitu percaya kepada adanya hari berbangkit, hari

kiamat, syurga, neraka, hisab, dan mizan, iaitu timbangan amal perbuatan. Sesungguhnya hari kemudian dinamakan hari akhirat kerana terjadi sesudah kehidupan di dunia.”

Ulama tafsir berbeda pendapat sehubungan dengan mereka yang menyandang sifat yang tersebut dalam ayat ini, apakah yang dimaksud dengan mereka adalah orang yang disebut dalam firman sebelumnya, iaitu surah al-Baqarah (2: 3) atau mereka adalah orang lain? Menurut ibn Jarir, ada tiga pendapat ulama mengenai masalah ini, iaitu :

- (1) Mujahid, Abu al-Aliyah, al-Rabi' ibn Anas, dan Qatadah: Mereka yang sifatnya disebut pada ayat pertama demikian pula mereka yang sifatnya disebutkan dalam ayat yang berikutnya, iaitu setiap orang Mukmin, iaitu orang yang beriman dari kalangan orang Arab, orang yang beriman dari kalangan ahli kitab, dan selain mereka.
- (2) Kedua-duanya sama, iaitu orang yang beriman dari kalangan ahli kitab. Berdasarkan makna ini, bererti huruf wawu adalah huruf 'ataf dari suatu sifat ke sifat yang lain. Sebagaimana pengertian yang ada dalam firman-Nya:

سَبِّحْ اسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى ۝ (١) الَّذِي خَلَقَ فَسَوَّى ۝ (٢) وَالَّذِي قَدَّرَ فَهَدَى ۝ (٣) وَالَّذِي أَخْرَجَ الْمَرْعَى ۝  
فَجَعَلَهُ غُثَاءً أَحْوَى ۝ (٤)

Maksud: Bertasbihlah mensucikan nama Tuhanmu Yang Maha Tinggi (dari segala sifat kekurangan), - (1) Yang menciptakan (sekalian makhluk-Nya) serta menyempurnakan kejadiannya dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya; (2) Dan Yang mengatur (keadaan makhluk-Nya) serta memberikan hidayah petunjuk (ke jalan keselamatannya dan kesempurnaannya); (3) Dan Yang mengeluarkan tumbuh-tumbuhan untuk binatang ternak, (4) kemudian Ia menjadikan (tumbuh-tumbuhan yang menghijau) itu kering - (berubah warnanya) kehitam-hitaman. (5)

(Surah al-A'la, 87: 1-5)

- (3) Al-Saddi dalam kitab Tafsir-nya, dari ibn Abbas, ibn Mas'ud, dan sejumlah sahabat Rasulullah SAW: Mereka yang sifatnya disebutkan pada ayat pertama adalah orang yang beriman dari kalangan bangsa Arab. Sedangkan mereka yang disebut dalam ayat kedua, iaitu Surah al-Baqarah (2: 4) adalah orang yang beriman dari kalangan ahli kitab. Pendapat ini dipilih oleh ibn Jarir dan beliau berhujah berdalilkan firman Allah SWT:

وَإِنَّ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَمَنْ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَمَا أُنزِلَ إِلَيْكُمْ وَمَا أُنزِلَ إِلَيْهِمْ  
خَشِعِينَ لِلَّهِ لَا يَشْتَرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ ثَمَنًا قَلِيلًا ۚ أُولَٰئِكَ لَهُمْ أَجْرُهُمْ  
عِنْدَ رَبِّهِمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ۝ (١٩٩)

Maksud: Dan sesungguhnya antara Ahli Kitab, ada orang yang beriman kepada Allah dan (kepada) apa yang diturunkan kepada kamu (al-Quran) dan juga (kepada) apa yang diturunkan kepada mereka, sedang mereka khusyuk kepada Allah dengan tidak menukarkan ayat Allah untuk mengambil keuntungan dunia yang sedikit. Mereka itu beroleh pahalanya di sisi Tuhan mereka. Sesungguhnya Allah Amat segera hitungan hisab-Nya. (199)

(Surah Ali 'Imran, 3: 199)

Juga berdalil kepada firman-Nya:

الَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِهِ هُمْ بِهِ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٢﴾ وَإِذَا يُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ قَالُوا ءَأَمْثَلُ بِهِ نَبَأٌ مِنَ رَبِّنَا إِنَّنَا كُنَّا مِنْ قَبْلِهِ مُسْلِمِينَ ﴿٥٣﴾ أُولَٰئِكَ يُؤْتَوْنَ أَجْرَهُمْ مَرَّتَيْنِ بِمَا صَبَرُوا وَيَدْرَءُونَ بِالْحَسَنَةِ السَّيِّئَةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٥٤﴾

Maksud: Orang yang Kami beri Kitab sebelum turunnya al-Quran, mereka beriman kepadanya. (52) Dan apabila al-Quran itu dibacakan kepada mereka; mereka, berkata: “Kami beriman kepadanya, sesungguhnya ia adalah perkara yang betul benar dari Tuhan kami; sesungguhnya kami sebelum ia diturunkan, telahpun mematuhiNya.” (53) Mereka itu akan beroleh pahala dua kali disebabkan kesabaran mereka; dan juga kerana mereka menolak kejahatan dengan kebaikan, dan mereka menderma dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka. (54)

(Surah al-Qasas, 28: 52-54)

Juga berdalilkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Burdah bin Abu Musa, bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda (Al-Bukhari, 2001: 3011; Muslim, t.th.: 154):

«ثَلَاثَةٌ يُؤْتَوْنَ أَجْرَهُمْ مَرَّتَيْنِ رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ آمَنَ بِي وَرَجُلٌ مَمْلُوكٌ آدَى حَقَّ اللَّهِ وَحَقَّ مَوْلِيهِ وَرَجُلٌ آدَبَ جَارِيَتَهُ فَأَحْسَنَ تَأْدِيبَهَا ثُمَّ أَعْتَقَهَا وَتَزَوَّجَهَا.»

Maksud: Ada tiga macam orang, mereka diberi pahala dua kali, iaitu seorang lelaki dari kalangan ahli kitab yang beriman kepada nabinya, kemudian beriman kepadaku. Seorang lelaki yang dimiliki (budak) yang menunaikan hak Allah SWT dan hak tuannya, dan seorang lelaki yang mendidik budak perempuannya dengan pendidikan yang baik, setelah itu dia memerdekakannya dan mengawininya.

(Al-Bukhari dan Muslim)

Ibnu Jarir tidak memakai dalil apa pun untuk memperkuat pendapatnya, melainkan hanya makna kesimpulan saja, iaitu “pada permulaan surat *al-Baqarah* ini Allah SWT mensifatkan tentang hal orang Mukmin dan orang kafir, sebagaimana Dia mengklasifikasikan orang kafir kepada dua golongan, iaitu golongan orang kafir dan golongan munafik. Dia juga membahagikan orang Mukmin menjadi dua golongan, iaitu orang Mukmin dari kalangan orang Arab dan orang Mukmin dari kalangan ahli kitab.”

Menurut Ibn al-Kathir (1999: 1/170-171), makna lahiriah adalah amat selaras dengan pendapat Mujahid yang mengatakan bahawa ada empat buah ayat pada permulaan surat *al-Baqarah* yang menyifati kaum Mukmin dan dua ayat yang menyifati kaum kafir, serta ada tiga belas ayat yang menyifati kaum munafik. Keempat-empat ayat tersebut bermakna umum mencakupi setiap orang Mukmin yang mempunyai sifat tersebut, baik dari kalangan orang Arab maupun dari kalangan selain mereka; dan juga dari kalangan ahli kitab, baik manusia ataupun jin. Tiada satu pun dari sifat tersebut sah bila tanpa yang lainnya, melainkan masing-masing sifat tersebut merupakan kelaziman bagi sifat yang lainnya, juga merupakan syarat keberadaannya. Untuk itu, tidak sah iman kepada yang ghaib, mendirikan solat, dan menunaikan zakat, melainkan harus disertai dengan iman kepada apa yang didatangkan oleh Rasulullah SAW dari sisi Tuhannya, beriman kepada apa yang didatangkan

sebelumnya oleh rasul lainnya dan Tuhan mereka. Mereka juga harus meyakini adanya kehidupan di alam akhirat. Hal ini sudah tentu salah satu darinya tidaklah sah bila tanpa yang lain. Allah SWT memerintahkan orang yang beriman untuk berbuat demikian, sebagaimana yang dinyatakan dalam firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ءَامِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ءَ وَالْكِتَابِ الَّذِي نَزَّلَ عَلَيَّ رَسُولِهِ ءَ  
وَالْكِتَابِ الَّذِي أَنْزَلَ مِن قَبْلُ

Maksud: *Wahai orang yang beriman! Tetapkanlah iman kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan kepada Kitab al-Quran yang diturunkan kepada Rasul-Nya (Muhammad SAW), dan juga kepada Kitab Suci yang diturunkan dahulu daripada itu. Dan sesiapa yang kufur ingkar kepada Allah, dan Malaikat-Nya, dan Kitab-Nya, dan Rasul-Nya dan juga Hari Akhirat, maka sesungguhnya ia sesat dengan kesesatan yang amat jauh.* (136)

(Surah *al-Nisa*, 4: 136)

Allah SWT berfirman lagi:

وَلَا تُجَادِلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ وَقُولُوا  
ءَامَنَّا بِالَّذِي أُنزِلَ إِلَيْنَا وَأُنزِلَ إِلَيْكُمْ وَإِلَهُنَا وَإِلَهُكُمْ وَاحِدٌ وَنَحْنُ لَهُ  
مُسْلِمُونَ ﴿٤٦﴾

Maksud: *Dan janganlah kamu berbahas dengan Ahli Kitab melainkan dengan cara yang lebih baik, kecuali orang yang berlaku zalim antara mereka; dan katakanlah (kepada mereka), "Kami beriman kepada (al-Quran) yang diturunkan kepada kami dan kepada (Taurat dan Injil) yang diturunkan kepada kamu; dan Tuhan kami, juga Tuhan kamu, adalah Satu; dan kepada-Nyalah, kami patuh dengan berserah diri."* (46)

(Surah *al-Ankabut*, 29: 46)

Begitu juga dengan firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ ءَامِنُوا بِمَا نَزَّلْنَا مُصَدِّقًا لِّمَا مَعَكُمْ

Maksud: *Wahai orang yang diberikan Kitab, berimanlah kamu dengan apa yang telah Kami turunkan (al-Quran), yang mengesahkan kitab yang ada pada kamu.*

(Surah *al-Nisa*, 4: 47)

Allah SWT juga berfirman:

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لَسْتُمْ عَلَىٰ شَيْءٍ حَتَّىٰ تُقِيمُوا التَّوْرَةَ وَالْإِنْجِيلَ وَمَا أُنزِلَ  
إِلَيْكُمْ مِنْ رَبِّكُمْ

Maksud: *Katakanlah, "Wahai Ahli Kitab! Kamu tidak dikira mempunyai sesuatu agama sehingga kamu tegakkan ajaran Kitab Taurat dan Injil (yang membawa kamu percaya kepada Nabi Muhammad) dan apa yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu (yaitu al-Quran)."*

(Surah al-Maidah, 5: 68)

Allah SWT memberitakan keadaan semua orang Mukmin, bahawa mereka beriman terhadap semuanya itu, melalui firman-Nya:

ءَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ ۗ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ ءَامَنَ بِاللَّهِ  
وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ ۗ

Maksud: *Rasulullah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-Nya, dan Kitab-Nya, dan Rasul-Nya.*

(Surah al-Baqarah, 2: 285)

Selain itu, Allah SWT berfirman:

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ ۖ وَلَمْ يُفَرِّقُوا بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْهُمْ

Maksud: *Dan orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan mereka pula tidak membeza-bezakan (imannya terhadap) seseorang pun antara Rasul itu.*

(Surah al-Nisa, 4: 152)

Masih banyak lagi ayat lainnya yang isinya memerintahkan kepada segenap kaum Mukmin untuk beriman kepada Allah SWT, rasul-Nya, dan kitab-Nya. Akan tetapi, bagi orang yang beriman dari kalangan ahli kitab terdapat pengkhususan. Demikian itu bila mereka beriman kepada kitab yang ada di tangan mereka secara terperinci, kemudian bila mereka masuk Islam, lalu mereka beriman pula secara terperinci kepada al-Quran. maka bagi mereka dua pahala atas hal tersebut. Bagi selain ahli kitab. sesungguhnya beriman kepada kitab terdahulu itu hanya secara global saja, sebagaimana yang dijelaskan dalam sebuah hadis sahih yang diriwayatkan oleh Ibn Abi Namlah, iaitu (Abu Dawud, 2009: 3644):

"إِذَا حَدَّثَكُمْ أَهْلُ الْكِتَابِ فَلَا تُصَدِّقُوهُمْ وَلَا تَكْذِبُوهُمْ، وَلَكِنْ قُولُوا: آمَنَّا  
بِالَّذِي أُنزِلَ إِلَيْنَا وَأُنزِلَ إِلَيْكُمْ"

*Apabila ahli kitab bercerita kepada kalian, janganlah kalian dustakan mereka, jangan pula kalian percaya kepada mereka, m-lainkan katakanlah, "Kami beriman kepada apa yang diturunkan kepada kami dan apa yang diturunkan kepada kalian."*

(Abu Dawud)

Akan tetapi, adakalanya iman sebahagian besar orang Arab kepada agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW lebih sempurna, lebih umum, dan lebih mencakup daripada iman orang yang masuk Islam dari kalangan ahli kitab. Sekalipun kaum ahli kitab yang masuk Islam itu beroleh pahala dua kali ditinjau dari segi tersebut, maka orang lain selain mereka akan beroleh pahala yang jauh lebih besar daripada dua kali ganda, berkat keimanannya yang diiringi dengan tasdiq (kepercayaan).

### ***Al-Baqarah (2: 5)***

Allah SWT seterusnya berfirman tentang golongan Mukmin yang dibincangkan tentang kedudukan mereka di sisi-Nya serta balasan yang akan mereka peroleh. Firman-Nya:

أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٥﴾

Maksud: Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang yang berjaya. (5)

(Surah al-Baqarah, 2: 5)

Jalal al-Din dan Jalal al-Din (2003: 2) dalam menafsirkan ayat ini dengan takwil, "Merekalah, iaitu orang yang memenuhi sifat yang disebutkan merupakan orang yang beroleh petunjuk dari Tuhan mereka dan merekalah orang yang beruntung yang akan berhasil meraih syurga dan terlepas dari siksa neraka.

Menurut Ibn al-Kathir (1999: 1/170-171) bahawa apa yang dimaksudkan dengan ayat ialah merujuk kepada mereka yang mempunyai ciri khas terdahulu, iaitu iman kepada yang ghaib, mendirikan solat, memberi nafkah dari rezeki yang diberikan Allah SWT kepada mereka, iman kepada kitab yang diturunkan kepada Rasulullah SAW dan kitab yang diturunkan kepada rasul sebelumnya, dan yakin kepada kehidupan akhirat, yang hal ini menuntut persiapan sebagai bekal guna menghadapinya, iaitu mengerjakan amal soleh dan meninggalkan hal yang diharamkan. Perkataan *ala hudan* (عَلَىٰ هُدًى), iaitu tetap beroleh cahaya penjelasan dan petunjuk dari Allah SWT. Manakala *Waulaika humul muflihun* (وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ), membawa maksud, "merekalah orang yang beruntung di dunia dan di akhirat."

Sedangkan Ibn Jarir (2001: 1/254) mengatakan bahawa makna firman-Nya, (أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ) ialah "sesungguhnya mereka tetap memperoleh nur (cahaya) dari Tuhannya, pembuktian, istiqamah, dan bimbingan serta taufik Allah SWT buat mereka." Sedangkan takwil firman-Nya, (وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ) ialah "merekalah orang yang berjaya dan memperoleh apa yang mereka inginkan di sisi Allah SWT melalui amal perbuatan mereka dan iman mereka kepada Allah SWT, kitab-Nya, dan rasul-Nya; keinginan tersebut berupa keberuntungan memperoleh pahala, kekal di syurga, dan selamat dari siksaan yang disediakan oleh Allah SWT buat musuh-musuh-Nya".

Ibnu Jarir sendiri memilih pendapat yang mengatakan bahawa makna yang dimaksud adalah kembali kepada semua orang yang disebut sebelumnya dari kalangan orang beriman bangsa Arab dan orang beriman dari kalangan ahli kitab. Manakala bagi Imam (Ibn al-Kathir, 1999) beliau mentarjihkan ayat bahawa makna yang dimaksud ialah menerangkan

ciri orang Mukmin secara umum, dan isyarat mengandung makna umum ditujukan kepada mereka semua.

## PENGAJARAN AYAT

Pengajaran yang boleh diambil daripada ayat adalah menyentuh tentang *fawatih al-suwar* dan lambang ilmu Allah SWT; kehebatan al-Quran untuk umat manusia; hidayah adalah hal Allah SWT; peranan takwa kepada umat Islam; ciri dan jenis orang yang beriman, dan kejayaan daripada perspekti al-Quran.

### *Fawatih al-Suwar* dan Lambang Ilmu Allah SWT

*Fawatih al-suwar* (فواتح السور) berjumlah empat belas, iaitu *alif* (ا), *lam* (ل), *mim* (م), *sad* (ص), *ra* (ر), *kaf* (ك), *ha* (هـ), *ya* (ي), *'ain* (ع), *ta* (ط), *sin* (س), *ha* (ح), *qaf* (ق), dan *nun* (ن). Kesemuanya dapat dihimpun dalam ucapan Ibn al-Kathir (1999: 1/159):

نَصُّ حَكِيمٍ قَاطِعٌ لَهُ سِرٌّ

Maksud: Ini adalah nas yang pasti dari Tuhan Yang Maha Bijaksana, mengandung rahsia.

*Fawatih al-Suwar* ini melambangkan betapa luasnya ilmu Allah SWT sehingga boleh ditafsirkan dengan pelbagai tafsiran dan sudut tafsiran (Ibn al-Kathir, 1999: 1/156). Pelbagai persoalan juga boleh ditimbulkan untuk menghasilkan kajian yang lebih luas untuk umat manusia kini dan pada masa akan datang. Apa yang lebih penting bahawa apa yang dinukilkan oleh Allah SWT ini bukan sesuatu yang sia-sia, tetapi sesuatu yang melambangkan rahsia ilmu Allah SWT yang tiada sempadan.

Oleh kerana al-Quran diturunkan kepada umat manusia, dengan ini sudah tentu *Fawatih al-Suwar* melambangkan tentang kekerdilan ilmu umat manusia sehinggakan huruf yang didatangkan pada awal surah al-Quran itupun tidak diketahui rahsianya.

### Kehebatan al-Quran untuk Umat Manusia

Umat manusia wajib menyedari betapa al-Quran yang diturunkan untuk mereka merupakan sebuah kitab yang sangat hebat yang perakukan sendiri oleh Allah SWT bahawa diturunkannya daripada diri-Nya kepada umat manusia (*al-Sajdah*, 32:1-2; *Fussilat*, 41: 1-2). Antara kehebatannya untuk diketahui dan difahami oleh umat manusia ialah:

- (1) Ilmu dan maklumat yang benar dan tidak terdapat unsur penipuan dan keraguan (*al-Baqarah*, 2: 1-2; *Ali 'Imran*, 3: 1-3; *al-Sajdah*, 32:1-2). Bahkan, al-Quran mengesahkan kitab terdahulu daripada al-Quran bahkan menjadi penapis kepada kebenaran kitab terdahulu yang banyak dirubah oleh tangan manusia yang jahat yang cuba menyesatkan umat manusia (*Ali 'Imran*, 3: 1-3; *al-Syura*, 42: 1-3).
- (2) Al-Quran kesan yang berbeza kepada dua golongan:
  - (a) Golongan Muslim dan Mukmin: Menjadi peringatan (*al-A'raf*, 7: 1-2; *Yunus*, 10: 57) dan panduan daripada kegelapan kekufuran (Surah *Ibrahim*, 14: 1), rahmat (*al-Isra*, 17: 82; *Yunus*, 10: 57), hidayat petunjuk untuk keselamatan (*Yunus*, 10: 57), ubat yang zahir dan batin (*Fussilat*, 41: 44; *al-Isra*, 17: 82; *Yunus*, 10: 57).
  - (b) Golongan Kafir: Menjadi amaran kepada orang yang ingkarkan Nabi Muhammad, Islam, dan ajarannya (*al-A'raf*, 7: 1-2), lebih menjauhkan mereka daripada



kebenaran (*Fussilat*, 41: 44), mendatang kerugian kepada mereka (*Fussilat*, 41: 44; *al-Isra*, 17: 82).

Oleh yang demikian, salah satu usaha untuk umat manusia khususnya non Muslim untuk mendapat hidayah ialah dengan mereka membaca, meneliti, dan mengkaji al-Quran dengan hati yang tulus ikhlas untuk mencari kebenaran dalam hidup. Keikhlasan hati dalam mencari kebenaran dalam kehidupan mampu menjadikan hati tertutup dengan kegelapan, mata yang buta daripada melihat hakikat kehidupan dan telinga yang terdinding daripada memahami al-Quran akan tersingkap. Sekiranya non Muslim ini tidak ikhlas untuk mencari kebenaran sebenar dalam hidup ini, maka al-Quran menjadikan mereka lebih jauh daripada kebenaran.

### **Hidayah ialah Hak Allah SWT**

Umat manusia perlu menyedari bahawa hidayah kepada jalan petunjuk dan kebenaran khusus Islam (*al-Fatihah*, 1: 6-7) merupakan hak Allah SWT yang diberikan kepada sesiapa yang disayangi-Nya sahaja (*al-Baqarah*, 2: 272; *al-Isra*, 17: 97; *al-Balad*, 90: 10).

Sedangkan manusia tidak langsung mampu memberikan hidayah dan petunjuk kepada jalan kebaikan (*al-Qasas*, 28: 56; *Fussilat*, 41: 17). Hal ini demikian kerana sekiranya Allah SWT menghendakkan seseorang jadi sesat, maka tiada seorangpun yang mampu untuk mengembalikannya ke jalan kebenaran (*al-A'raf*, 7: 186; *al-Isra*, 17: 97; *Fussilat*, 41: 17).

Oleh yang demikian, manusia perlu menunjukkan kesungguhan kepada Allah SWT bahawa mereka perlukan hidayah buat dirinya dan orang yang sekelilingnya dengan usaha tazkiaah diri, dakwah, amar makruf nahi mungkar, solat serta doa untuk memohon hidayah (*al-Syura*, 42: 52; *al-Ra'd*, 13: 7; *al-Fatihah*, 1: 6-7).

### **Peranan Takwa kepada Umat Islam**

Umat Islam perlu mengetahui, memahami, dan menghayati tentang pengertian takwa agar dengan itu mereka berusaha untuk mencapai tahap insan yang bertakwa tersebut. Memiliki sifat takwa merupakan tahap terbaik bagi seorang Muslim dan Mukmin. Hal ini demikian kerana sifat takwa itu akan menyebabkan setiap individu:

- (1) Mendapat manfaat daripada panduan al-Quran di atas jalan kebenaran dan hak (*al-Baqarah*, 2: 2).
- (2) Sentiasa berhati-hati dalam hidup agar sentiasa dalam ketaatan dan menjauhi larangan Allah SWT Al-Mulla Ali al-Qari (2002: 3095).
- (3) Sentiasa menjaga amalan fardu khususnya solat (Surah *al-Baqarah*, 2: 3) yang difardukan oleh Allah SWT dan menjauhi perkara yang diharamkan oleh-Nya
- (4) Terjauh daripada melakukan dosa besar khususnya syirik (Al-Alka'i, 2003) disebabkan dosa kecil juga akan dipelihara daripada dilakukan bahkan dia akan terjauh daripada dosa sekalipun kecil kerana perkara yang makruh juga dipelihara dengan baik (Al-Tirmidhi, 1998: 2451; Ibn Majah, 2009: 4215)
- (5) Mencapai tahap keimanan yang tertinggi kerana merasa yakin terhadap segala janji pahala dan syurga terhadap kebajikan yang dilakukan dan merasa yakin terhadap janji dosa dan neraka terhadap segala dosa yang cuba dijauhi (Surah *al-Baqarah*, 2: 3).
- (6) Mencapai tahap kebahagiaan yang sempurna di dunia dan akhirat apabila dianugerahkan pula dengan isteri yang solehah (Ibn Majah, 2009: 1857).

Oleh yang demikian, setiap Muslim dan Mukmin adalah wajar untuk berusaha untuk mencapai tahap takwa ini bagi menjamin setiap individu ini mampu terus berada dalam jalan pertunjuk Ilahi.

### **Ciri dan Jenis Orang yang Beriman**

Setiap Muslim perlu mengetahui, memahami, dan menghayati tentang ciri dan jenis orang yang beriman agar mereka berusaha untuk memenuhi ciri tersebut. Seseorang itu tidak akan mencapai tahap takwa selagi dia tidak memenuhi ciri orang yang beriman. Ketika mereka sudah memenuhi semua ciri ini, barulah mereka boleh mencapai tahap takwa yang merupakan sifat tertinggi dalam Islam. Ciri orang yang beriman adalah seperti berikut (Ibn al-Kathir, 1999: 1/164):

- (1) Orang yang melakukan lima perkara daripada rukun Islam, iaitu (*al-Tin*, 95: 6):
  - (a) Mengucapkan syahadah, iaitu berikrar dengan lidah dalam bahasa Arab bahawa Allah SWT sebagai Tuhan yang disembah dan Rasulullah SAW sebagai Rasul-Nya (Al-Bukhari, 2001: 8; Muslim, t.th.: 16; *al-Nisa*, 4: 136). Syahadah ini akan tetap dipegang ketika bersama umat Islam atau tidak (Surah *al-Baqarah*, 2: 14; Surah *al-Munafiqun*, 63: 1). Dia juga yang membenarkan ikrar tersebut dalam hatinya secara tulus (Ibn al-Kathir, 1999: 1/164) dengan sebenar-benar dengan bentuk penyerahan bulat hatinya kepada Allah SWT dan menjadikan Rasulullah SAW sebagai jalan ikutan. Akhir sekali dia menyempurnakan keimanan tersebut dengan menyempurnakan rukun Islam, iaitu :
    - (b) Mendirikan solat. Melaksanakan wuduk secara sempurna, melaksanakan solat dengan memenuhi syarat dan rukun solat (Ibn al-Kathir, 1999: 1/168; Al-Bukhari, 2001: 8; Muslim, t.th.: 16).
    - (c) Berpuasa pada bulan Ramadan (Al-Bukhari, 2001: 8; Muslim, t.th.: 16).
    - (d) Membelanjakan harta. Melaksanakan zakat fitrah, zakat harta (Al-Bukhari, 2001: 8; Muslim, t.th.: 16), dan nafkah yang diwajibkan oleh Allah SWT daripada harta yang dimiliki (Surah *al-Baqarah*, 2: 3; Ibn al-Kathir, 1999: 1/168).
    - (e) Mengerjakan haji kepada individu yang mampu untuk pergi daripada segi harta dan diri (Al-Bukhari, 2001: 8; Muslim, t.th.: 16).

Tahap keimanan setiap individu ini diukur sama ada tinggi atau rendah dengan indikator tahap perintah Allah SWT yang dilakukan. Sejuah mana banyak perintah-Nya yang dilakukan, itu tahap keimanan yang dicapai oleh individu tersebut.

- (2) Beriman dengan perkara yang ghaib sekalipun tidak mampu dilihat dengan mata. Beriman dengan perkara yang ghaib diringkaskan dalam rukun iman yang enam (*al-Anbiya*, 21: 49; *Qaf*, 50: 33), iaitu :
  - (a) Beriman kepada Allah SWT (*al-Taubah*, 9: 61; *al-Baqarah*, 2: 285). Beriman kepada-Nya sehingga seseorang itu merasa takut kepada-Nya, tetapi takut yang semakin mendekat kepada-Nya bukan semakin menjauh (*al-Anbiya*, 21: 49). Kebiasaan sifat takut ini terbina dengan pertambahan ilmu agama (Surah *Fatir*, 35: 28).
  - (b) Beriman kepada Malaikat (*al-Baqarah*, 2: 285).

- (c) Beriman kepada Kitab (*al-Baqarah*, 2: 285; (Ibn al-Kathir, 1999: 1/170). Kitab al-Quran dan kitab sebelum al-Quran (*Al-Baqarah*, 2: 4; *al-Nisa*, 4: 136) yang terdiri daripada Kitab Taurat dan Injil (Jalal al-Din & Jalal al-Din, 2003: 2). Namun ketika ahli kitab mengutarakan kitab mereka kepada umat Islam, maka umat Islam dituntut untuk berdiam diri tidak menidakkan dan tidak mengiyakan dengan kekal meyakini dengan keimanan terhadap kitab sebelum al-Quran. Hal ini kerana al-Quran sendiri menyebut bahawa terdapat isi daripada kitab mereka sudah diubah oleh ulama mereka sehingga tidak diketahui bahagian mana yang benar-benar datang daripada Allah SWT atau yang sudah diubah (Surah al-Ankabut, 29: 46). Bahkan kitab al-Quran menjadi penapis kitab terdahulu bagi menapis apa yang benar-benar datang daripada Allah SWT dan yang bukan datang daripada Allah SWT (Surah *al-Nisa*, 4: 47; Abu Dawud, 2009: 3644). Hal ini bermaksud bahawa sekiranya terdapat pertentangan antara kitab terdahulu dengan al-Quran, maka pandangan al-Quran diterima dan pandangan kitab terdahulu ditolak kerana jaminan Allah SWT bahawa al-Quran sama sekali tidak akan berubah daripada asalnya daripada-Nya.
- (d) Beriman kepada Rasul (Ibn al-Kathir, 1999: 1/170; (Ibn al-Kathir, 1999: 1/170).
- (e) Beriman kepada Hari Kiamat. Percaya tentang adanya kehidupan di akhirat, iaitu percaya kepada adanya hari berbangkit, hari kiamat, syurga, neraka, hisab, dan mizan (Ibn al-Kathir, 1999: 1/170).
- (f) Beriman kepada qadak dan qadar.

Jenis orang yang beriman pula terdiri daripada tiga jenis, iaitu orang Arab yang beriman kepada Rasulullah SAW; Ahli Kitab yang beriman kitab mereka dan selepas kedatangan Islam mereka beriman pula al-Quran; dan orang yang beriman selepas era wahyu dalam kalangan orang Arab dan bukan Arab:

- (1) Orang yang beriman dan Islam dalam kalangan orang Arab yang percaya kepada al-Quran dan percaya kepada kitab sebelum al-Quran (*al-Baqarah*, 2: 3).
- (2) Orang yang beriman dalam kalangan umat yang lain yang beriman dengan al-Quran dan kitab sebelum al-Quran. Umat Islam selepas era wahyu dianggap sebagai golongan yang lebih baik daripada segi keimanan berbanding golongan yang berada dalam era wahyu diturunkan (Ahmad, 2001: 16976; Al-Ruyani, 1995: 1545; Qadi al-Maristan, 1970: 511; Ibn 'Arafah, 1985: 19; Al-Zaynabi, 2004: 6).
- (3) Ahli Kitab dalam kalangan Yahudi dan Nasrani yang beriman dengan baik kitab mereka kemudian beriman kepada al-Quran dan kitab yang diturunkan sebelum al-Quran. Ahli kitab ini mendapat dua pahala, iaitu pahala kerana berpegang teguh kepada ajaran kitab mereka kemudian setelah Islam mereka berpegang teguh kepada ajaran al-Quran (*al-Baqarah*, 2: 4; *Ali Imran*, 3: 199; *al-Qasas*, 28: 52-54; Al-Bukhari, 2001: 3011; Muslim, t.th.: 154). Ahli kitab yang beriman kepada kitab sebelum al-Quran, tetapi tidak beriman kepada al-Quran dan Nabi Muhammad SAW tidak dikira sebagai orang yang beriman kerana mereka tidak beriman dengan suruhan kitab yang menyuruh mereka beriman kepada Nabi Muhammad SAW yang memansuhkan ajaran sebelum al-Quran (Surah *al-Maidah*, 5: 68).

Kesan daripada sifat beriman ini menyebabkan individu yang beriman itu sentiasa:

- (1) Sentiasa dalam pertunjuk Allah SWT dalam melaksanakan kehidupan serta mendapat kejayaan bukan sahaja di dunia malah di akhirat yang kekal abadi (*Al-Baqarah* 2: 5).

- (2) Memiliki sifat terpuji dan terjauh daripada sifat keji dan mungkar khususnya apabila seseorang sudah dapat mendirikan solat dengan sempurna (*al-Ankabut*, 29: 45). Antara contoh sifat terpuji ialah percaya kepada orang Mukmin tanpa sebarang sangsi (Surah *al-Taubah*, 9: 61) serta hati mereka sentiasa kembali kepada Allah SWT (Surah *Qaf*, 50: 33).

Oleh yang demikian, setiap individu Muslim bertanggungjawab berusaha untuk meningkatkan tahap keimanan mereka sehingga ke tahap tertinggi dengan itu membantu kepada tahap amalan Islam ke tahap yang tertinggi pula. Pada ketika ini sifat takwa akan terbit apabila hati sudah bersatu dengan keimanan dan amalan Islam sehingga membuat akhlak yang terpuji.

### Kejayaan daripada Perspektif al-Quran

Umat manusia perlu mengetahui, memahami, dan menghayati pengertian kejayaan dan pengertian orang yang berjaya daripada perspektif al-Quran. Pengertian kejayaan dan orang yang berjaya menurut al-Quran ialah orang yang mendapat petunjuk di atas jalan Islam sehingga mereka boleh menyempurnakan rukun Islam dan rukun iman ketika di dunia dan terselamat daripada api neraka dan masuk syurga Allah SWT di alam akhirat (Jalal al-Din & Jalal al-Din, 2003: 2; Ibn al-Kathir, 1999: 1/171; Ibn Jarir, 2001: 1/254).

### RUJUKAN

- Abu Dawud, Sulaiman. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Shu'aib al-Arnaut & Muhammad Kamil Qurrah Balali (Ed.). Jld. 1-7. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Ahmad, Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Alka'i, Hibbatullah. 2003. *Sharh Usul I'tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Ahmad Sa'ad (Ed.). Jld. 1-9. Al-Sa'udiyah: Dar Tayyibat.
- Al-Bukhari, Muhammad Ismail. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Mulla Ali al-Qari, 'Ali. 2002. *Mirqat al-Mafatih Sharh Miskat al-Masabih*. Jld. 1-9. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi, Mahyuddin. 1998. *Riyad al-Salihin*. Shu'aib Al-Arna'ut (Ed.). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Ruyani, Abu Bakr Muhammad. 1995. *Musnad al-Ruyani*. Ayman 'Ali Abu Yamani (Ed.). Jld. 1-2. Al-Qahirah: Mu'assasah Qurtubah.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. 1998. *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashir 'Awad Ma'ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Al-Zaynabi, Tirad. 2004. *Majlis Yawm al-Jumaah*. Iraq: Barnamij Jawami' al-Kalam al-Majani al-Tabi' li Mawqi' al-Sibkah al-Islamiyyah
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn 'Arafah, Al-Hasan. 1985. *Juz' al-Hasan bin 'Arafah al-'Abdi*. 'Abd al-Rahman bin Abd al-Jabbar al-Fariwa'i (Ed.). Jld. 1. Al-Kuwait: Dar al-Aqsa.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.

- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jalal al-Din, al-Mahalli, & Jalal al-Din, al-Suyuti. 2003. *Tafsir Jalalayn al-Muyassar*. Beirut: Maktabah Lubnan al-Nasirun.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Ciri Orang yang Bertakwa: Al-Baqarah (2: 1-5)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran 26hb. Julai 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Hidayah sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Al-Fatihah (1: 1-7)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran 19hb. Julai 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Qadi al-Maristan, Muhammad. 1970. *Ahadith al-Suyukh al-Thiqat*. Al-Syarif Hatim bin 'Arif al-'Awni (Ed.). T.T.P: Dar 'Alam al-Fawa'id li al-Nasr wa al-Tawzi'.